

# AXCEL FUSIDIC ACID OINTMENT

Sodium Fusidate (micronised) (2% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Fusidic Acid Ointment.
2. Bagaimana Axcel Fusidic Acid Ointment berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Fusidic Acid Ointment.
4. Cara menggunakan Axcel Fusidic Acid Ointment.
5. Semasa menggunakan Axcel Fusidic Acid Ointment.
6. Kesan-sesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Fusidic Acid Ointment.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Fusidic Acid Ointment

Axcel Fusidic Acid Ointment digunakan untuk merawat keadaan kulit yang dijangkiti oleh kuman (bakteria).

## Bagaimana Axcel Fusidic Acid Ointment berfungsi

Axcel Fusidic Acid Ointment mengandungi sodium fusidate. Sodium fusidate merupakan garam sodium bagi fusidic acid (sejenis antibiotik). Axcel Fusidic Acid Ointment berfungsi dengan membunuh kuman (bakteria) yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum menggunakan Axcel Fusidic Acid Ointment

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Axcel Fusidic Acid Ointment:

- Jika anda alergi terhadap fusidic acid atau mana-mana bahan kandungan lain ubat ini yang disenaraikan di bahagian akhir risalah ini.
- Elakkan penggunaan yang berpanjangan dalam kalangan bayi dan kanak-kanak.
- Jika anda mengandung, anda fikir anda mengandung atau sedang menyusukan anak, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini. Beritahu doktor anda

jika anda didapati mengandung semasa menggunakan ubat ini.

- Anda tidak boleh menggunakan ubat anda untuk masa yang lama atau dalam jumlah yang banyak.

### Sebelum menggunakan Axcel Fusidic Acid Ointment

Sebelum anda mengguna Axcel Fusidic Acid Ointment anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda alergi pada ubat-ubatan.
- Jika anda mengambil ubat-ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsi oleh doktor anda).
- Jika anda menggunakan ointment pada jangka masa yang panjang, ia boleh membawa kepada masalah daya tahan.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Ia mungkin selamat bagi anda untuk mengguna Axcel Fusidic Acid Ointment dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

## Cara menggunakan Axcel Fusidic Acid Ointment

‘Ointment’ ini hanya bagi penggunaan luaran sahaja.

### Berapa banyak harus digunakan

Sapu ‘ointment’ dengan lapisan yang nipis pada kawasan yang terkena jangkitan 2 hingga 3 kali sehari, amnya selama 7 hari.

### Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu menggunakan Axcel Fusidic Acid Ointment.

### Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Guna dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengguna dos seterusnya pada masa biasa. Jangan guna dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Axcel Fusidic Acid Ointment

### Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Fusidic Acid Ointment.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Fusidic Acid Ointment dengan seseiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

# AXCEL FUSIDIC ACID OINTMENT

Sodium Fusidate (micronised) (2% w/w)

## Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhati-hati semasa menggunakan Axcel Fusidic Acid Ointment dalam kawasan mata kerana persediaan ini mungkin menyebabkan kerengsaan jika terkena pada mata.
- Penggunaan ‘ointment’ topikal yang berulang mungkin mengakibatkan gangguan sistem ketahanan badan.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Fusidic Acid Ointment boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Reaksi hipersensitiviti dalam bentuk ruam dan kerengsaan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda menyedari apa-apa lagi yang membuat anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers -> Reporting*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Fusidic Acid Ointment

### Penyimpanan

Jauhkan Axcel Fusidic Acid Ointment daripada jangkauan kanak-kanak. Simpan krim anda di bawah 25°C. Pastikan bekas ubat ditutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

### Pelupusan

Jangan guna Axcel Fusidic Acid Ointment yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### Rupa dan warna produk

Axcel Fusidic Acid Ointment bersifat jernih, berlilin dan ointment tidak larut air.

### Bahan-bahan kandungan

#### Bahan Aktif:

Sodium Fusidate.

#### Bahan Tidak Aktif:

Emulgin B2, Liquid Paraffin, White Soft Paraffin.

### Nombor MAL

MAL20021410AZ

## Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

04/05/2016

## Nombor siri

BPFK(R4/1)260416/00122